

10/01/2003

Laporan BSKL

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup lebih tinggi semalam dengan belian pada harga menarik secara berpilih yang menaikkan indeks utama.

Indeks Komposit (IK) yang dibuka 0.48 mata lebih rendah pada 624.65 pagi tadi, ditutup 1.45 mata lebih tinggi pada 626.58 berbanding penutupan kelmarin.

Indeks Emas naik 0.32 mata kepada 153.53 dan Indeks Perusahaan naik 0.86 mata kepada 1,329.99, tetapi Indeks Papan Kedua susut 0.04 mata kepada 97.02.

Saham rugi mengatasi yang untung 253 kepada 231, sementara 267 kaunter tidak berubah dan 361 tidak diniagakan.

Jumlah dagangan berkurangan kepada 112.791 juta saham bernilai RM236.308

juta daripada 113.081 juta saham bernilai RM220.613 juta kelmarin.

Jumlah dagangan Papan Utama berkurangan kepada 90.028 juta saham bernilai RM207.539 juta daripada 94.339 juta saham bernilai RM196.071 juta.

Jumlah dagangan Papan Kedua meningkat kepada 22.416 juta saham bernilai RM28.706 juta daripada 18.443 juta saham bernilai RM24.457 juta.

Jumlah dagangan Pasaran Mesdaq meningkat kepada 347,100 saham bernilai RM62,332 daripada 298,700 saham bernilai RM84,580.

Jumlah dagangan luar pasaran meningkat kepada 3.416 juta saham bernilai RM1.246 juta daripada 1.889 juta saham bernilai RM2.409 juta.

Seorang peniaga berkata terdapat sokongan bagi saham mewah dengan Telekom untung 20 sen kepada RM7.35, Tenaga Nasional naik lima sen kepada RM8.65 dan Maybank kekal pada RM7.40.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dipetik sebagai berkata, prestasi BSKL sekarang tidak mencerminkan syarikat yang tersenarai.

Di kalangan saham cergas, CIMB naik dua sen kepada RM1.81, Priceworth Wood Product naik satu sen kepada RM1.10, Sinmah naik 11 sen kepada RM1.73 dan Ho Wah Genting naik 1.5 sen kepada 88 sen. IOI Properties susut lima sen kepada RM5.20.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 3.051 juta saham diniagakan, barangan perusahaan 10.305 juta, pembinaan 9.545 juta, perdagangan/perkhidmatan 18.541 juta, teknologi 419,000, prasarana 664,000, kewangan 19.694 juta, perhotelan 250,000, hartanah 10.664 juta, perladangan 1.996 juta, perlombongan 204,000, amanah 38,000, dana tertutup 63,000, pinjaman 9.578 juta dan syarikat PN4 5.036 juta.